

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Malaysia terus bertarung dengan masalah penyalahgunaan dadah yang serius dan seolah-olah tiada kesudahan. Isu penyalahgunaan dadah bagaikan ‘barah’ dalam kalangan masyarakat negara ini walaupun pelbagai kempen memerangi musuh nombor satu negara itu dilaksanakan setiap tahun (B. Vicknasingam, 2017; Hamizah Badiran, 2017). Lebih membimbangkan, jumlah penagih berulang di negara ini menunjukkan peningkatan dari semasa ke semasa (Masir Kujat, 2016; Rafidah, 2017). Selain itu, senario masa kini yang memperlihatkan kadar penagihan dadah yang tinggi dalam kalangan belia dari semasa ke semasa telah mencetuskan kebimbangan semua pihak.

Menurut Agensi AntiDadah Kebangsaan (AADK), seramai 18,823 orang belia terlibat dengan penyalahgunaan dadah pada tahun 2017. Jumlah ini merupakan 72.6% dari keseluruhan jumlah penagih dadah berjumlah 25,922 jelas melahirkan kebimbangan kepada masa depan belia di negara ini. Oleh itu, adalah amat penting untuk semua pihak bekerjasama dalam membanteras gejala penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia. Semua pihak tidak kira masyarakat, badan bukan kerajaan, pengamal media, ahli akademik atau sesiapa sahaja haruslah berganding bahu untuk bersama-sama membantu pihak berwajib menangani penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia masa kini. Dengan itu, pemilihan dan penggunaan medium komunikasi yang bersesuaian adalah penting untuk memastikan mesej dan maklumat mengenai bahayanya penyalahgunaan dadah dapat disampaikan kepada golongan belia secara berkesan. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengetahuan, sikap dan amalan belia terhadap isu penyalahgunaan dadah di Malaysia; untuk mengenal pasti medium komunikasi yang bersesuaian dalam mendidik belia dari terlibat dengan penyalahgunaan dadah; serta mengenal pasti keupayaan media sosial dalam membantu pihak berwajib menangani isu penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia di Malaysia.

Kajian ini menggunakan pendekatan *mix method* iaitu dengan menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif dalam mendapatkan data yang dikehendaki. Kaedah kuantitatif yang digunakan adalah Tinjauan Soal Selidik (*Survey*) manakala kaedah kualitatif yang digunakan adalah Temu Bual Mendalam Secara Bersemuka (*Face-to-face in-depth interview*). Tinjauan Soal Selidik (*Survey*) melibatkan seramai 1000 orang belia yang mewakili 5 zon di Malaysia iaitu zon utara, selatan, timur, tengah dan SQL. Secara khususnya, pecahan 1000 belia yang terlibat tersebut adalah terdiri daripada 500 orang belia yang merupakan klien AADK di CCRC (*Cure & Care Rehabilitation Center*), CCVC (*Cure & Care Vocational Center*) dan CNC (*Clinic Cure & Care I Malaysia*) seluruh Malaysia, manakala 500 lagi merupakan belia yang tinggal di kawasan

berisiko dadah di seluruh Malaysia. Bagi Temu Bual Mendalam Secara Bersemuka (*Face-to-face in depth interview*) dibuat dengan OKP (Orang Kena Pengawasan) di zon tengah iaitu di AADK Dang Wangi dan AADK Sentul. Kesemua responden yang terlibat dalam kajian ini adalah merupakan golongan belia yang berumur dalam lingkungan 1525 tahun. Hasil kajian mendapati, pengetahuan, sikap dan amalan belia terhadap isu penyalahgunaan dadah di Malaysia adalah berada pada tahap sederhana. Majoriti responden mempunyai pengetahuan yang baik tentang faktor/punca belia terjebak dengan dadah dan kesan/akibat penyalahgunaan dadah. Namun, masih ramai juga responden yang tidak pasti apakah faktor dan kesan jangka panjang akibat penyalahgunaan dadah tersebut. Sikap belia tentang isu penyalahgunaan dadah di Malaysia juga berada pada tahap sederhana. Ini adalah kerana majoriti responden menunjukkan keperihatinan yang tinggi tentang isu penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia di Malaysia dan beranggapan bahawa isu ini harus dibanteras dengan segera. Namun, terdapat segelintir responden yang bersikap menunding jari terhadap pihak-pihak tertentu sahaja untuk menangani isu penyalahgunaan dadah ini.

Amalan belia tentang isu penyalahgunaan dadah di Malaysia juga berada pada tahap sederhana. Majoriti responden menunjukkan minat dan kesediaan untuk membantu menangani isu penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia di Malaysia. Namun, dalam masa yang sama terdapat responden yang tidak pasti untuk berbuat demikian di samping terdapat segelintir responden yang mengambil sikap tidak melakukan apa-apa untuk menangani isu penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia. Majoriti responden melakukan perkara positif dan negatif dalam masa yang sama. Selain itu, hasil kajian juga mendapati, terdapat tiga jenis medium komunikasi yang bersesuaian dalam mendidik dan menjauhi belia dari terlibat dengan penyalahgunaan dadah iaitu (1) media sosial; (2) televisyen swasta (cth: tv3, astro); dan (3) televisyen kerajaan (cth: tv1, tv2). Ketiga-tiga medium komunikasi tersebut merupakan medium komunikasi yang paling banyak di kunjungi oleh responden untuk mendapatkan sesuatu maklumat.

Dari segi keupayaan media sosial pula, hasil kajian mendapati, media sosial sememangnya berupaya membantu pihak berwajib menangani isu penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia di Malaysia. Hal ini dapat di lihat apabila tahap penggunaan media sosial yang tinggi dalam kalangan belia. Selain itu, media sosial juga merupakan medium komunikasi yang diyakini belia untuk menyampaikan mesej/maklumat mengenai isu penyalahgunaan dadah. Tambahan lagi, media sosial berupaya dalam mempengaruhi sikap dan tingkah laku belia ke arah yang positif. Dapatan kajian daripada Temu Bual Mendalam Secara Bersemuka pula memperlihatkan, terdapat

enam faktor yang menyebabkan belia terjebak dengan dadah iaitu (1) pengaruh rakan; (2) ingin mencuba; (3) tekanan perasaan; (4) pengaruh keluarga; (5) tuntutan kerja; serta (6) pengaruh media sosial. Dari segi jenis dadah yang di ambil pula, hasil kajian mendapati, terdapat tiga jenis dadah yang paling banyak diambil oleh belia iaitu (1) ganja; (2) *estacy*; dan (3) *methamphetamine*. Hasil kajian temu bual yang dijalankan juga mendapati, terdapat beberapa cara bagi belia mendapatkan wang untuk membeli dadah. Di antaranya adalah dengan menggunakan duit gaji hasil melakukan kerja halal, menggunakan duit belanja sekolah, menggunakan duit belanja harian daripada ibu bapa, melakukan jenayah serta menggunakan duit biasiswa belajar. Dari segi cara belia mendapatkan bekalan dadah, hasil kajian mendapati, terdapat empat cara kebiasaannya iaitu membeli terus dari pengedar, diberikan secara percuma oleh rakan, membeli dari kawan terdekat di kawasan tempat tinggal serta dibekalkan oleh ibu bapa sendiri.

Kesimpulannya, dalam kepesatan perkembangan teknologi masa kini, apa juga cara yang boleh membantu dalam membanteras isu penyalahgunaan dadah haruslah dimanfaatkan sebaiknya. Di era masa kini, media sosial merupakan medium komunikasi yang bukan sahaja paling banyak digunakan oleh belia, tetapi merupakan medium komunikasi yang banyak mempengaruhi kehidupan seharian belia. Oleh itu, media sosial boleh digunakan dalam membantu pihak berwajib menangani isu penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia di Malaysia dengan menggunakan segala kelebihan dan keistimewaan yang ada pada media sosial itu sendiri.